

08 JUL 2002

Najib-Pemilihan

NAJIB SOKONG CADANGAN TANGGUH PEMILIHAN UMNO

KUALA LUMPUR, 8 Julai (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak menyokong langkah menangguhkan pemilihan Majlis Tertinggi Umno dari tahun depan sehingga selesai pilihan raya umum.

Katanya langkah itu adalah yang sebaik-baiknya bagi mengelak perebutan jawatan oleh anggota Umno.

Penangguhan itu juga akan membolehkan setiap anggota parti memberi perhatian dan tenaga untuk menjamin kemenangan Umno dan Barisan Nasional dalam pilihan raya umum, katanya ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Bangkok semalam bahawa pemilihan parti ditangguhkan selepas pilihan raya umum.

Najib, yang juga Menteri Pertahanan, berkata demikian pada sidang media selepas menerima pesawat pemantau dan perisik "Sistem Eagle ARV" bagi Kementerian Pertahanan oleh Composites Technology Research Malaysia di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia di Subang dekat sini.

Tempoh penggal MT sekarang akan tamat Jun tahun depan manakala tempoh akhir untuk pilihan raya umum akan datang ialah penghujung tahun 2004. Perlembagaan Umno membenarkan tempoh penggal MT dilanjutkan selama 18 bulan.

Najib berkata penangguhan pemilihan itu juga dapat mengelak politik berpuak-puak dan kesan negatif yang timbul akibat pertandingan sewaktu pemilihan parti.

Ketika ditanya mengenai kenyataan Perdana Menteri semalam yang secara jelas menyatakan bahawa beliau merupakan calon paling layak memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri dalam kabinet akan datang, Najib, sambil tersenyum dan menggelengkan kepala, berkata: "Tak apalah. Lain kalilah (buat kenyataan). Bukan sekarang...bukan sekarang...terima kasih."

Mengenai Rang Undang-undang Jenayah Syariah (Qisas dan Hudud) yang dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Terengganu semalam, beliau berkata ia bermotif politik.

"Pembentangan kali ini dibuat dalam keadaan tergesa-gesa. Motif mereka ialah motif politik sebab mereka dah janji bila menang di Terengganu dahulu, sebaik sahaja menang, mereka hendak bentangkan rang undang undang hudud," katanya.

Bagaimanapun, setelah hampir tiga tahun berlalu, tidak ada apa-apa perkembangan mengenai pelaksanaan hukum hudud itu.

Najib berkata kerajaan Pas Terengganu pada masa ini berdepan dengan masalah kredibiliti dan sebab itulah mereka membentangkan rang undang-undang hudud itu.

"Mereka (Pas) tiada niat sebenarnya untuk melaksanakannya (undang-undang hudud)," katanya.

Beliau berkata pelaksanaan hukum hudud oleh Pas juga telah menimbulkan masalah dan perbalahan dalam pakatan pembangkang sehingga menyebabkan satu daripada anggotanya, DAP menarik diri.

Dr Syed Husin Ali, Presiden Parti Rakyat Malaysia, sebuah lagi parti rakan Pas, pula berkata beliau tidak faham kenapa kerajaan Terengganu yang diperintah Pas begitu terburu-buru sangat mahu melaksanakan hukum hudud sehingga parti pembangkang lain tidak berpeluang menghalusi dan mengkaji implikasi politiknya.

-- BERNAMA

HS AHH MAI